



AYAM dan itik yang tidak diberi vaksin terpaksa dibunuh oleh pihak berkuasa Vietnam.



PENIAGA di pasar-pasar Vietnam, berang apabila pihak berkuasa dikatakan cuba menakutkan orang awam daripada memakan ayam dan itik.

**N**EGARA Vietnam mungkin berjaya mengawal wabak selesema burung (H5N1) yang menjadi krisis kesihatan terburuk negara itu pada akhir tahun 2000.

Bagaimanapun, kes tersebut kembali lagi sehingga merunsingkan pakar-pakar di negara komunis tersebut.

Sejak Januari lalu, wabak selesema burung telah dicatatkan berlaku di 14 wilayah negara berkenaan, malah kira-kira 65,000 ekor ayam dan itik telah matikan oleh pihak berkuasa.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), ia masih rendah berbanding kemuncak tahun 2003 hingga 2009 apabila virus berkenaan menjangkiti berjuta-juta ayam dan itik serta mengorbankan 57 orang sekali gus menjadikan negara kedua terburuk diserang virus berkenaan selepas Indonesia.

# Wabak H5N1 hantui Vietnam

KOSMO 18/4/12  
MS 24.

Wabak selesema burung dikatakan masih membelenggu di sebahagian besar wilayah Vietnam, malah sejak Januari lalu kira-kira 65,000 ekor ayam dan itik telah matikan pihak berkuasa.

Kebimbangan mengenai avian influenza telah meningkat di rantau Asia

Semua orang selamat," kata seorang lagi peladang, Dao Thi Ngoc.

Beberapa pakar menyalahkan masalah H5N1 berpanjangan di Vietnam

## Tidak takut

Mengikuti laporan negara berkenaan tiada kes baharu melibatkan manusia dicatatkan pada tahun 2011, tetapi virus tersebut masih ada dan tidak dihapuskan.

"Selesema burung mempunyai kesan berbahaya kepada sektor pertanian, kehidupan manusia, dengan kemunculan virus baharu," kata Pengarah Jabatan Kesihatan Haiwan, Kementerian Pertanian, Hoang Van Nam.

"Wabak berlaku di seluruh negara, ia disebabkan campuran struktur pertanian yang dilakukan keluarga, kurang maklumat dan jurang dalam program kawalan pemvaksinan dan menternak," ujarnya.



WHO mengakui buat masa ini, virus H5N1 masih lagi dalam keadaan terkawal di Vietnam berbanding tahun 2003.

fluena telah meningkat di rantau Asia dengan China, Kemboja dan Indonesia melaporkan kematian daripada jenis virus H5N1 pada tahun ini.

Bagaimanapun, peniaga-peniaga di pasar Ha Vi Hanoi yang menjual antara 80 dan 100 tan burung hidup setiap hari tidak berasa bimbang tentang perkembangan tersebut.

"Siapa kata terdapat wabak selesema burung di sini? Ia sama sekali tidak menarik minat saya. Mereka hanya memperbesar perkara ini. Saya tahu bahawa semua ayam-ayam milik saya berada dalam keadaan baik," kata vendor pasar berkenaan Do Thi Thanh Hoa kepada AFP.

Dia berkata, mereka tidak perlu menyediakan sijil-sijil asal-usul ataupun pemvaksinan burung-burung yang dijual di pasar berkenaan.

"Sejak pasar dibuka, belum ada lagi orang yang dijangkiti H5N1. Di pasar ini, apabila terdapat larangan kami masih membeli dan makan daging ayam.

lagi peladang, Dao Thi Ngoc.

"Peti televisyen sentiasa memperkatakan mengenai H5N1. Di mana ia berlaku?" soalnya.

Siaran televisyen sering menayangkan laporan-laporan mengenai bahaya mengenai ayam dan itik yang tidak mendapatkan suntikan vaksin. Ia turut memberi amaran mengenai risiko pembelian haiwan berkenaan dengan menyeludup dari negara China.

Dalam sebuah negara, yang bergantung terhadap sektor pertanian dan penternakan untuk menggerakkan ekonomi, adalah sukar melakukan pemantauan jualan setiap ayam dan itik.

"Terdapat terlalu banyak ladang-ladang kecil. Sukar untuk anda mengawal pengasingan haiwan-haiwan ini.

"Kadangkala, garis panduan kebersihan diabaikan," kata Pengarah Perkhidmatan Kesihatan Haiwan, Can Xuan Binh di Hanoi.

Saban tahun, kerajaan telah mencuba untuk menggalakkan penyahjangkitan lebih baik di ladang-ladang tercemar, program pemvaksinan dan pengasingan besar-besaran untuk membendung wabak H5N1.

Dengan segala usaha telah dilaksanakan, para pengawai masih bergelut dalam pengawalan pengangkutan dan penjualan ternakan hidup yang menjadi kunci utama penyakit itu merebak.

## Virus kalis vaksin

Memburukkan lagi keadaan, pakar-pakar telah mengenalpasti virus jenis baharu di wilayah Vietnam mempunyai ketahanan terhadap vaksin yang biasa digunakan dalam membendung virus berkenaan.

"Vaksin berkenaan tidak lagi efektif. Justeru itu, perlindungan agak terbatas," kata Hoang Van Nam.

salah H5N1 berpanjangan di Vietnam akibat politik tidak menentu sehingga menjejaskan keseluruhan usaha kawalan krisis berkenaan.

"Apabila wabak ini merebak, mereka akan mengatasinya tetapi apabila ia hilang, mereka berhenti. Risiko terhadap manusia lebih penting," kata seorang doktor haiwan yang tidak mahu mendedahkan namanya.

Pada dasarnya, virus tersebut merebak melalui burung kepada manusia dengan sentuhan secara langsung, tetapi pakar-pakar melahirkan kebimbangan ia akan bermutasi kepada bentuk yang mudah berpindah antara manusia.

Pada awal Mac, Vietnam telah meluluskan dana baharu sebanyak AS\$ 23 juta (RM 71 juta) untuk menangani virus berkenaan dengan memberi penekanan terhadap meningkatkan penyelarasan antara pegawai-pegawai kesihatan dan sektor pertanian.

Bagaimanapun doktor haiwan dari Perancis, Patrice Gautier berkata, dengan sifat semula jadi virus tersebut ia akan mengambil masa yang panjang untuk dibendung.

"Masalah ini tidak akan hilang jika anda hanya mengeluarkan wang. Ia akan mengambil masa yang lama, kerja keras dalam mengukuhkan perkhidmatan doktor haiwan," kata Gautier yang merupakan pakar selesema burung.

Menurut beliau, perkhidmatan kesihatan haiwan Vietnam telah mula mengikuti cadangan Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia untuk menangani kelemahan yang didiagnosis pada waktu puncak wabak berkenaan.

"Tidak mungkin anda akan melihat krisis baharu di Vietnam. Bagaimanapun, kemungkinan situasi semasa akan berterusan selama berdekad pada setiap musim," katanya. - AFP.